

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

AMU302 - PENGIKLANAN

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Soalan 1 adalah WAJIB. Pilih dan jawab DUA soalan yang lain.

SOALAN (WAJIB)

1. Kad kredit sekarang menjadi isu dimana institusi-institusi kewangan berlumba-lumba mendapatkan pelanggan-pelanggan baru. Pihak Kementerian Kewangan pula merasai bahawa penggunaan kad kredit ini akan mempunyai kesan keatas kadar inflasi dan tabiat menyimpan. Syarikat-syarikat pengeluar kad kredit mendapati pasaran masih belum mencapai tahap potensinya dan masih menunjukkan kuasa pembelian yang menggalakkan oleh berbagai lapisan pendapatan.

Syarikat pengeluar kad kredit baru, WANGMAS BERHAD bercadang untuk mengeluarkan kad kredit VISA. Agensi pengiklanan anda, KELAMKABUT SDN.BHD. telah berjaya mendapat akaun WANGMAS untuk menyediakan keseluruhan kempen. Anda mula memikirkan bagaimana untuk membentangkan kempen agar mendapat persetujuan dari WANGMAS.

[50 Markah]

Pilih dan jawab DUA soalan sahaja.

2. Penggunaan papan tanda adalah satu strategi untuk memperingatkan pengguna terhadap sesuatu produk. Papan-papan tanda masakini menjadi lebih kreatif dalam menonjolkan sesuatu mesej kepada jenis-jenis trafik yang terdedah kepadanya.

Bentangkan satu konsep bagaimana anda memperingatkan pengguna-pengguna jalanraya tentang keselamatan semasa memandu.

[25 Markah]

3. Syarikat pengedar jem buah-buahan tempatan JEM-JAMBU SDN.BHD. sedang merancang untuk memasarkan dua jenis jem baru iaitu pisang dan mangga untuk pasaran tempatan.

Bincangkan bagaimana anda boleh menggunakan konsep pembungkusan dalam memasarkan kedua-dua jem ini. Anda juga dikehendaki menghasilkan nama jenama untuk jem baru ini.

[25 Markah]

4. Syarikat pengeluar minyak wangi WANGINITA SDN. BHD. menjual produk tunggalnya KARISMA untuk golongan wanita profesional bercadang untuk menggunakan media suratkhabar dan majalah sebagai media yang dapat menembusi pasaran ini dengan lebih tepat.

Bincang bagaimana anda boleh menggunakan kedua-dua media ini untuk mempromosikan KARISMA.

[25 Markah]

AMU302

5. MUTIARA BEACH RESORT di Pulau Pinang sedang merancang menembusi pasaran pelanggan Jepun oleh sebab mereka merupakan golongan yang berbelanja lebih jika dibandingkan dengan pelancong yang lain.

Bagaimanakah promosi jualan boleh digunakan untuk disasarkan kepada pelancong-pelancong Jepun ini?

[25 Markah]

-----ooo0000ooo-----